

07/03/1997

Saleh pengerusi baru DRB-Hicom (HL)

Azizi Othman

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengarah Urusan Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Mohd Saleh Sulong (gambar) mengambil alih semua jawatan yang sebelum ini dipegang oleh Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad dalam kumpulan syarikat itu, termasuk Pengerusi dan Presiden Hicom Holdings Bhd (Hicom Holdings).

Cadangan pelantikan Mohd Saleh, 46, sebagai Pengerusi yang juga Presiden Hicom Holdings dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc), iaitu pemegang saham khas syarikat induk Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) itu.

Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Ismail, dalam kenyataan mengumumkan perkara itu di sini, hari ini berkata, cadangan berkenaan dibuat berikutan Dr Mahathir mengambil berat mengenai implikasi kematian Yahaya terhadap operasi syarikat kumpulan DRB-Hicom.

Menurutnya, DRB-Hicom juga perlu meneruskan usaha dan tanggungjawabnya mengikut dasar yang sedang diamalkan tanpa sebarang gangguan.

"Untuk tujuan itu, Perdana Menteri mencadangkan supaya Mohd Saleh menjalankan tugas Pengerusi yang juga Presiden Hicom Holdings," katanya.

Menurut kenyataan itu, Dr Mahathir juga merestui pelantikan Mohd Saleh sebagai Pengerusi Proton dan Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) seperti yang diputuskan lembaga pengarah syarikat terbabit.

Selain itu, Dr Mahathir turut mengesahkan bahawa kerajaan akan terus membantu dan memberi sokongan sepenuhnya kepada pihak DRB-Hicom demi kepentingan negara.

Sementara itu, dalam sidang media di Shah Alam petang ini, Mohd Saleh berkata, cadangan pelantikannya di Hicom Holdings dan kelulusan menerajui EON serta Hicom itu dimaklumkan oleh Perdana Menteri kepadanya dalam satu pertemuan yang diadakan, tengah hari ini.

Mohd Saleh berkata, beliau berterima kasih terhadap kepercayaan dan restu yang diberikan oleh Perdana Menteri kepadanya untuk menerajui syarikat itu.

Beliau juga menyatakan rasa terhutang budi kepada Dr Mahathir di atas semua nasihat dan tunjuk ajar yang diberikannya.

"Saya amat menghargai jaminan dan sokongan kerajaan serta kepemimpinan negara terhadap usaha niaga kumpulan ini (DRB-Hicom)," katanya.

Selain Proton dan EON katanya, mesyuarat lembaga pengarah empat lagi syarikat awam anggota kumpulan DRB-Hicom yang diadakan semalam, turut meluluskan pelantikannya sebagai Pengerusi. Ia sekali gus menjadikan Mohd Saleh sebagai Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom.

Empat syarikat itu yang sebelum ini dipengerusikan oleh Yahaya ialah Kedah Cement Holdings Bhd (Kedah Cement), Diversified Resources Bhd (DRB), Gadek (Malaysia) Bhd (Gadek) dan Gadek Capital Bhd (Gadek Capital).

Mohd Saleh berkata, walaupun beliau kini menerajui kumpulan syarikat itu, semua wawasan, misi dan strategi yang sudah diperkenalkan oleh Allahyarham Yahaya akan tetap diteruskan.

"Pelbagai usaha yang dilaksanakan serta semua projek utama yang sudah dimulakan oleh Allahyarham akan diteruskan dengan semangat, perjuangan dan usaha pada tahap yang sama," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin usaha itu mampu dilakukan kerana ia bukanlah sesuatu yang asing baginya sebagai seorang yang sentiasa bersama dengan Allahyarham Yahaya dalam merangka sesetengah daripadanya.

Menurutnya, beliau yakin struktur organisasi, sistem dan proses yang sudah dimulakan oleh Allahyarham Yahaya mampu menghadapi sebarang cabaran

pada masa depan dan 36,000 kakitangan syarikat akan terus menyumbang untuk menjayakan wawasan syarikat.

Mengenai pegangan saham utama dalam kumpulan DRB-Hicom, Mohd Saleh berkata, masalah tidak timbul kerana Master Carriage (Malaysia) Sdn Bhd (MCM) iaitu firma induk kumpulan itu, ialah syarikat yang diasaskannya bersama Allahyarham Yahaya.

(END)